



## Istana kerabat diraja Brunei terbiar kerana kegawatan ekonomi

KUALA LUMPUR 30 Jun - Projek pembinaan istana milik kerabat diraja Brunei yang terbengkalai sejak 10 tahun lalu di Jalan Tun Ismail di sini dipercayai berpunca daripada kegawatan ekonomi.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hari ini memberitahu, kerja-kerja pembinaan istana tersebut bermula pada awal tahun 1996 dan terbengkalai pada November 1998.

Menurutnya, keadaan tapak serta struktur bangunan telah siap dan kerja-kerja pembinaannya terhenti pada peringkat kemas akhir.

"Kerajaan Brunei telah memaklumkan bahawa kini Bahagia Investment Corporation (M) Sdn. Bhd. mengambil alih projek pembinaan tersebut," kata kenyataan tersebut.

Semalam *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan mengenai istana tersebut yang terbiar dan mencatatkan pemandangan indah ibu negara

selain dipercayai menjadi sarang penagih dadah.

DBKL menambah, Jawatankuasa Projek Terbengkalai Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil maklum mengenai perkara itu dan akan berurusan dengan Wisma Putra memandangkan ia melibatkan kerajaan Brunei Darussalam.

"Kementerian Wilayah Persekutuan juga sedang mengambil tindakan sewajarnya mengenai perkara ini," katanya.

KEADAAN istana kerabat diraja Brunei yang terbengkalai di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur.

- Gambar NASIRRUDDIN YAZID